

ABSTRAK

Malaysia diunjur mencapai status negara menua pada tahun 2030 apabila 15% daripada populasinya terdiri daripada golongan warga emas berusia melebihi 60 tahun. Bagi menghadapi fenomena tersebut, Kerajaan Malaysia memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) selaku rakan strategik program bagi menyantuni golongan berkenaan. Pelaksanaan program dijayakan sepenuhnya oleh sukarelawan. Walau bagaimanapun, kadar penyertaan sukarelawan dalam program ini tidak memberangsangkan. Didapati bahawa motivasi merupakan elemen yang sangat berpengaruh kepada individu untuk membuat keputusan bagi memulakan dan mengekalkan penglibatan dalam kegiatan kesukarelawanan. Namun, pengalaman hidup dan perubahan konteks sosial yang dilalui pada pelbagai peringkat umur boleh merubah kecenderungan untuk terlibat dalam kegiatan tersebut. Kumpulan usia dewasa pertengahan berumur di antara 40-60 tahun merupakan golongan yang tinggi penyertaannya dalam aktiviti kesukarelawanan. Sehubungan itu, kajian ini cuba meneroka dan memahami motivasi sukarelawan usia dewasa pertengahan dalam Program KBDR dengan 3 objektif: (1) meneroka motif, pandangan dan penilaian sukarelawan tentang perkhidmatan mereka (2) mengkaji proses pengambilan sukarelawan untuk mengenal pasti elemen motivasi dalam proses tersebut dan (3) menganalisis strategi mengekalkan sukarelawan untuk terus berkhidmat. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Seramai 6 informan ditemu bual untuk mendapatkan data yang disokong dengan 5 pemerhatian turut serta dan analisis dokumen. 5 tema diinterpretasikan bagi persoalan kajian 1 iaitu Pembangunan Diri, Pembinaan Hubungan, Penzahiran Perasaan, Pengendalian Diri dan Pengamalan Agama. Fasa Proses Pra Lantikan dan Proses Lantikan pula memperhalusi persoalan kajian 2 manakala tema Kerjasama Kumpulan dan Rangsangan Prestasi menghuraikan persoalan kajian 3. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang motivasi sukarelawan di kalangan usia dewasa pertengahan dalam konteks perkhidmatan sokongan sosial kepada warga emas di Malaysia. Ia juga dapat dijadikan panduan pihak berkepentingan dalam isu penjagaan warga emas.